

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 04/02/1983

Anggota tentera mesti patuh pada susunan jentera pentadbiran - PM

ALUR SETAR 3 Feb.
- Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru setiap anggota angkatan tentera supaya menerima dan mematuhi susunan jentera pentadbiran angkatan bersenjata.

Perdana Menteri 4 FEB 1983
negaskan: Jika susunan pentadbiran ini tidak diterima dan dipatuhi, ia akan mewujudkan satu pasukan yang tidak berkesan yang menghadapi banyak masalah.

"Tidak ada gunanya kita mengadakan angkatan tentera jika kita tahu kita akan tewas bila

diserang," kata Datuk Sri Dr. Mahathir, yang juga Menteri Pertahanan.

Beliau berucap di upacara perbarisan penyempai sayer penerbangan dan penerimaan pesawat Pilatus PC-7 di Pangkalan TUDM Kepala Batas, dekat sini, pagi ini.

Perdana Menteri telah menyampaikan sayer kepada 27 pegawai graduan dan kemudiannya menerima buku catatan enam pesawat Pilatus PC-7, sebahagian daripada 44 buah yang dibeli dari Switzerland.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata setiap anggota perlu mengawal diri dan perasaan supaya tidak wujud rasa tidak puas hati kerana pasukan angkatan tentera lebih penting dari diri sendiri.

"Hakikat ini mesti diterima oleh semua kerana: tidak boleh wujud satu angkatan tentera di mana semua anggotanya

berpangkat jeneral dan tidak ada anggota pangkat rendah," tegasnya.

Beliau menambah, dalam pasukan tentera ada yang menjadi ketua dari peringkat tertinggi hingga ke peringkat rendah dan ada yang mendahului yang lain walaupun mereka mungkin lulus bersama.

Disiplin

Perdana Menteri seterusnya menarik perhatian sesuatu angkatan tentera itu akan hanya berjaya dan dapat bergerak dengan berkesan jika disusun dengan rapi dan mempunyai disiplin ketat.

Katanya, pasukan tentera mungkin tidak menempuh peperangan masa ini tetapi ia harus terus bersiap sedia menghadapi sebarang ancaman musuh pada masa kini dan hadapan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, semua

akan menghadapi bahaya kerana dalam zaman ini tidak ada siapa yang tidak akan terlibat jika terjadi peperangan, sama ada mereka berada dalam hutan atau di bandar.

Beliau memberi contoh bagaimana di tempat-tempat lain orang-orang bandar menghadapi ancaman kejadian melontar bom dan sebagainya.